

Headline	Iklan Aidilfitri TNB tahun ini tampil kelainan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 May 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	16
ArticleSize	278 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 32,855		



**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempersembahkan filem pendek Semangat Raya Epik Fantastik bagi menghargai pengorbanan rakyat Malaysia kekal di rumah dalam usaha membendung penularan dan memutuskan rangkaian Covid-19.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, TNB meneruskan tradisi mencerikan sambutan Syawal kali ini dengan sedikit kelainan dalam menampilkan hakikat pengorbanan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika sambutan Aidilfitri selain membuka pintu kepada kemahiran baharu kepada rakyat Malaysia.

Katanya, keunikan iklan raya TNB kali ini apabila sesi penggambaran seperti kebiasaan tidak dapat

## Iklan Aidilfitri TNB tahun ini tampil kelainan



RAKAMAN filem pendek TNB bertajuk Semangat Raya Epik Fantastik.

dilakukan sebaliknya setiap babak perlu dirakam sendiri oleh setiap watak seperti diperlukan pengarah.

"Dengan mematuhi arahan untuk duduk di rumah sepanjang PKP, 'hero-hero kita' ini lebih menghargai perkara kecil dan kebebasan yang kita

ada selama ini.

"Suasana terperap di kediaman masing-masing juga membolehkan kita melakukan perkara yang kita ambil mudah selama ini. Keadaan ini menjadikan kita kreatif, mencuba perkara yang tidak pernah kita lakukan.

"Rupanya, ramai dalam kalangan kita yang mempunyai bakat terpendam. Masa terluang ini membolehkan kita mendalami ilmu dan kemahiran yang kita tidak terfikir selama ini," katanya.

Bagi yang berkeluarga, PKP memberi ruang dan

peluang untuk mengeratkan semangat kekeluargaan serta menguji dan meningkatkan kesabaran.

"Sambutan Aidilfitri kali ini bakal berbeza dari biasa kerana tidak dapat diraikan bersama keluarga.

"Kami menghargai mereka

yang tidak dapat bersama menyambut lebaran bukan kerana mereka tiada, tetapi disebabkan kekangan PKP," katanya.

Mesej Aidilfitri TNB ini boleh ditonton menerusi saluran YouTube rasmi TNB, TENAGAOofficial, bermula semalam.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bername - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	2	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	1	0	RM 0
Media Prima - NTV7 (Media Prima - NTV7)	2	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	1	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	9	0	RM 0